

Usaha Masum bangunkan taekwondo

MAJLIS Sukan Universiti Malaysia (Masum) dengan kerjasama Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi akan menganjurkan kursus Kejurulatihan Poomse Taekwondo WTF pada 26 hingga 29 Oktober ini.

Kursus yang akan diadakan di Olympic Hall Majlis Olimpik Malaysia (MOM) itu bertujuan untuk mempromosikan sukan taekwondo pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Lebih 40 orang peserta terdiri daripada pegawai, jurulatih dan atlet mahasiswa akan menyertai kursus yang akan diendalikan oleh tenaga jurulatih daripada MTA/WTF.

Ia turut memainkan peranan untuk mempersiapkan atlet dan pasukan di peringkat universiti gabungan Masum yang bakal bakal menyertai Kejohanan Sukan Masum 2010.

Sukan Masum 2010 buat pertama kalinya menyenaraikan acara *poomse* atau seni pergerakan dalam taekwondo.

Poomsee merupakan satu disiplin yang berteraskan seni pergerakan utama sukan taekwondo seperti mana disiplin kata dalam sukan karate dan seni dalam silat olahraga.

Menurut pengerusi sukan taekwondo Masum, Nur Ekmal Buhary, fokus utama Masum dan Bahagian Sukan KPT adalah untuk menyediakan seberapa banyak tenaga kejurulatihan di kalangan pegawai dan atlet yang satu masa nanti berupaya mempromosikan sukan tersebut di semua IPTA.